

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 12 JUN 2020  
AKHBAR : BERITA HARIAN  
MUKA SURAT : M/S 46

# Aliran FDI tahun lalu meningkat

Prestasi positif menunjukkan keadaan ekonomi negara baik, tarik pelabur asing

Oleh Mahanum Abdul Aziz  
mahanum\_aziz@bh.com.my

Malaysia menerima pelaburan langsung asing (FDI) RM31.7 bilion pada 2019, peningkatan sebanyak 3.1 peratus berbanding RM30.7 bilion pada 2018.

Pada masa sama, pelaburan langsung di luar negeri (DIA) turut mencatatkan peningkatan, iaitu 26.5 peratus kepada RM26.1 bilion tahun lalu.

Ketua Perangkawan Malaysia, Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin, berkata prestasi FDI dan DIA yang menggalakkan menunjukkan keadaan ekonomi negara yang baik dapat menarik minat syarikat asing untuk terus melabur.

Pada masa sama, katanya, syarikat tempatan dapat memperluaskan aktiviti perniagaan mereka di luar negara.

Beliau berkata, FDI yang tinggi adalah disebabkan oleh suntikan

ekuiti dari Jepun ke Malaysia khususnya dalam aktiviti kesihatan.

"Aliran masuk asing disalurkan terutama dalam sektor perkhidmatan, terutama dalam aktiviti kesihatan, harta tanah dan kewangan.

"Sektor pembuatan adalah kedua tertinggi, terutama dalam bentuk instrumen hutang dan ekuiti dalam produk penapisan petroleum dan elektrik dan elektronik; diikuti sektor perlombongan dan pengkuaran," katanya pada sidang media secara maya, semalam.

Menurut Jabatan Perangkawan Malaysia, negara penyumbang terbesar bagi aliran masuk FDI pada 2019 adalah dari Jepun, Hong Kong dan Belanda.

Sementara itu, Mohd Uzir menjelaskan, pelaburan di luar negara kembali melonjak untuk merekodkan RM26.1 bilion berbanding RM20.6 bilion tahun sebelumnya.

Beliau berkata, buat pertama kali, Brazil adalah negara destinasi utama pelaburan DIA, terutama dalam pelaburan berkaitan industri minyak dan gas.

Selain itu, katanya, pelaburan yang tinggi syarikat Malaysia adalah dalam sektor perkhidmatan, terutamanya dalam aktiviti kewangan diikuti dalam industri pembuatan elektrikal dan elektronik; produk mineral bukan logam.

"FDI terkumpul di Malaysia me-



*FDI yang tinggi adalah disebabkan oleh suntikan ekuiti dari Jepun ke Malaysia khususnya dalam aktiviti kesihatan.*

**Mohd Uzir Mahidin,  
Ketua Perangkawan Malaysia**

ningkat kepada RM691.6 bilion pada akhir Disember 2019, manakala jumlah pelaburan terkumpul di luar negara berada pada kedudukan RM485.4 bilion.

"Daripada jumlah pelaburan terkumpul pada 2019, pendapatan pelaburan diterima daripada FDI adalah lebih tinggi berbanding pendapatan DIA disebabkan hasil keuntungan yang tinggi diperoleh oleh syarikat asing di Malaysia.

"Pelabur asing di Malaysia memperoleh keuntungan lapan sen bagi setiap RM1 jumlah pelaburan, sementara syarikat Malaysia menerima enam sen bagi setiap RM1 pelaburan di luar negara," katanya.

Mohd Uzir berkata, sektor pembuatan mendapat manfaat pendapatan yang tinggi dari FDI, manakala pelaburan DIA dalam aktiviti minyak dan gas.